

LJMS LABUAN E-JOURNAL OF MUAMALAT AND SOCIETY

ANALISIS TEMPOH MASA PENYENARAIAAN SEMULA SAHAM PATUH SYARIAH DI BURSA MALAYSIA

FIDLIZAN MUHAMMAD^{a*}, MOHD YAHYA MOHD HUSSIN^a, AZILA ABDUL RAZAK^a, AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI^a, SALWA AMIRAH AWANG^b

^a*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

^b*Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Stesen, Perak, Malaysia*

Received 2 October 2023: Revised 2 December 2023: Accepted 23 February 2024

ABSTRAK

Sekuriti Patuh Syariah yang diurusniaga di Bursa Malaysia disaring menggunakan metodologi khusus oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM). Metodologi ini mula dilaksana pada tahun 1997 dan telah melalui beberapa perubahan. Metodologi semakan tahun 2013 merupakan pendekatan yang diguna pakai sehingga kini. Kesan pelaksanaan metodologi ini pada tahun 2013 menyebabkan 158 sekuriti telah dinyah senarai. Kajian menganalisis status syariah terkini sekuriti berkaitan sama ada telah disenarai semula atau sebaliknya. Tiga sektor dipilih untuk tujuan analisis iaitu barangan pengguna, barangan industri dan dagangan/perkhidmatan melibatkan 121 sekuriti. Hasil analisis mendapati, 41 sekuriti bersatus kekal tidak disenarai semula, manakala 80 sekuriti pula telah berjaya disenarai semula. Analisa tempoh masa menunjukkan lebih 60 peratus sekuriti berjaya disenarai semula patuh syariah dalam tempoh jangka pendek, dan bakinya pula dalam tempoh jangka sederhana. Pengetahuan tempoh masa ini menyumbang input tambahan kepada pelabur yang berhadapan situasi ini membuat keputusan untuk melupuskan atau mengekalkan pegangan sekuriti berkaitan.

KATA KUNCI: PASARAN SAHAM, KEPUTUSAN PELABURAN, PIAWAIAN, PATUH SYARIAH, PEMBANGUNAN KEWANGAN

ABSTRACT

Shariah Compliant Securities traded on Bursa Malaysia are screened using a specific methodology by the Securities Commission of Malaysia (SSM). This methodology was first implemented in 1997 and has gone through several changes. The 2013 review methodology is the approach used until now. The impact of implementing this methodology in 2013 resulted in 158 securities being delisted. This study analyzed the latest sharia status of related securities whether they have been relisted or otherwise. Three sectors were selected for analysis purposes, namely consumer goods, industrial goods and trading/services involving 121 securities. As a result of the analysis, 41 securities remain unlisted, while 80 securities have been successfully relisted. The Time Period Analysis shows that more than 60 percent of the securities have been successfully relisted as Shariah compliant in the short term, and

* CORRESPONDING AUTHOR: Fidlizan Muhammad, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia. E-mail: fidlizan@fpe.upsi.edu.my

the rest in the medium term. Knowledge of this time period contributes additional input to investors who are faced with this situation of making a decision to dispose of or maintain holdings of related securities.

KEYWORDS: STOCK MARKET, INVESTMENT DECISION, STANDARD, SHARIAH COMPLIANCE, FINANCIAL DEVELOPMENT

1. PENGENALAN

Pasaran modal di Malaysia telah melalui perubahan dari masa ke semasa. Bermula dengan pasaran modal konvensional pada tahun 1960, perubahan masa telah membawa kesedaran kepada pelabur dan penggubal polisi berkaitan kepentingan pelaburan secara Islam. Sehubungan itu, pasaran modal di Malaysia kini dilaksana secara dwi-sistem melalui pasaran modal konvensional dan pasaran modal Islam. Bagi mengawalselia dan membangunkan pasaran modal ini secara sistematik, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) ditubuhkan pada tahun 1993 (Md Nurdin 2009).

Kejayaan SSM membangunkan pasaran modal Islam bermula dengan perancangan strategik menerusi penubuhan Unit Pasaran Modal Islam (UPMI) pada tahun 1994 bertujuan menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk memperkukuhkan pasaran modal Islam di Malaysia (Mohd Yahya & Joni Tamkin 2009). Unit ini kemudiannya menubuhkan sebuah kumpulan yang dikenali Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) dengan dianggotai oleh pakar-pakar syariah, pengamal kewangan Islam dan perundangan. Interaksi langsung KPII dengan pemain dalam industri pasaran modal dalam tempoh masa yang relevan, telah banyak memberi pendedahan yang jelas berkaitan produk, perkhidmatan, peraturan, operasi pasaran, serta isu-isu syariah yang berlaku. Tempoh masa ini memberikan kelebihan kepada KPII untuk memahami dan mengemukakan cadangan berkesan kepada pihak SSM dalam membangunkan sistem pasaran modal Islam.

Memandangkan KPII merupakan teras penting dalam pasaran modal Islam, sumbangan signifikan mereka ialah menghasilkan metodologi saringan yang telah mengubah landskap dalam pasaran modal di Malaysia. Ini kerana, proses penyaringan sekuriti patuh syariah pada peringkat awal tidak dilaksana secara berpusat di bawah SSM. Bank Islam Malaysia Berhad misalnya telah melaksana penyaringan sekuriti patuh syariah untuk kegunaan dalaman dan pelaburan pihak bank sendiri (Mohd Yahya *et al.* 2013). Atas sumbangan ini, peranan KPII telah dinaik taraf sebagai penasihat syariah kepada SSM pada 16 Mei 1996, dikenali Majlis Penasihat Syariah (MPS). Rentetan itu, 18 Jun 1997 merupakan masa yang bersejarah kepada SSM dengan penerbitan awam pertama senarai sekuriti patuh syariah melibatkan 371 buah syarikat.

Permodalan sekuriti patuh Syariah di Bursa Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif terutama dari segi nilai pasaran. Pada tahun 2010, jumlah dana sekuriti patuh Syariah berjumlah RM803.2 bilion dan meningkat hampir 38 peratus kepada RM1104 bilion pada tahun 2016. Jumlah ini bertambah kepada RM1115 bilion pada tahun 2022. Namun demikian, nisbah peratus saiz pasaran modal Islam terhadap keseluruhan jumlah dana sekuriti sejak tahun 2010 hingga 2022, didapati stabil atau konsisten pada angka 63 peratus. (SSM, 2022). Peningkatan saiz pasaran modal Islam didapati seiring dengan peningkatan jumlah sekuriti patuh Syariah dari masa ke masa. Pada tahun 2013, jumlah sekuriti patuh Syariah mewakili 71 peratus daripada jumlah keseluruhan sekuriti, dan meningkat kepada 79 peratus pada tahun 2022. (SSM, 2022). Hal ini menunjukkan, banyak syarikat melihat peluang mendapatkan dana pelaburan dengan menepati kriteria sekuriti patuh Syariah.

Indikator saringan sekuriti patuh syariah yang dibangunkan pada peringkat awal telah mengalami perubahan dalam beberapa fasa. Pada peringkat awal, proses saringan berfokus kepada satu indikator syariah sahaja iaitu aktiviti perniagaan yang melibatkan dua bentuk parameter iaitu parameter kualitatif dan parameter kuantitatif. Parameter kualitatif merupakan kriteria umum yang dilaksana bagi menilai aktiviti utama perniagaan sesebuah syarikat sama ada menepati atau berlawanan dengan syariah. Aktiviti utama syarikat yang berdasarkan perkhidmatan kewangan berteraskan riba (contoh: bank perdagangan atau saudagar konvensional, syarikat kewangan konvensional), perjudian dan pertaruhan (contoh; kasino, sport toto, nombor ekor), pengeluaran atau penjualan yang tidak halal atau yang berkaitan (contoh: daging babi, arak, bangkai), aktiviti syarikat insurans konvensional, aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan syariah (contoh: disko, pub, kelab malam), pengeluaran atau penjualan yang berasaskan tembakau atau yang berkaitan (contoh: rokok, cerut), pembrokeran atau jual beli sekuriti tidak patuh syariah dan aktiviti lain yang tidak selaras dengan Syariah (contoh: pelacuran) dikategorikan sebagai tidak patuh syariah (Mohd Yahya & Joni Tamkin 2009).

Bagi syarikat yang melaksanakan aktiviti perniagaan bercampur, parameter kualitatif tambahan diaplikasi beserta parameter kuantitatif. Parameter berkenaan ialah imej syarikat yang baik dalam pandangan masyarakat, aktiviti utama tidak bertentangan syarak sebagaimana parameter kualitatif umum, aktiviti atau sumber hasil daripada unsur haram adalah amat kecil berbanding dengan hasil aktiviti utama, dan aktiviti teras syarikat mempunyai kepentingan dan masalah (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara. Tahap percampuran ini kemudian dinilai menggunakan parameter kuantitatif yang melibatkan beberapa tanda aras. Pada fasa ini, tiga tanda aras digunakan iaitu 5,10 dan 25 peratus. Laporan sekuriti patuh syariah Mei 2004 merupakan laporan pertama yang mendedahkan kepada awam pemakaian tanda aras berkaitan (SSM, 2004). Tiga tahun berikutnya, penambahbaikan dalam tanda aras telah dilaksanakan oleh SSM menggunakan empat tanda aras dengan tambahan tanda aras 20 peratus, dan ia mula dilaporkan dalam laporan Mei 2007 (SSM, 2007). Ringkasan berkaitan tanda aras ini ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut.

JADUAL 1: TANDA ARAS AKTIVITI PERNIAGAAN BERCAMPUR

Tanda Aras	Penerangan
5 %	mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang jelas keharamannya (tidak selaras dengan Syariah) seperti riba (syarikat berasaskan faedah seperti bank konvensional), judi, minuman keras dan daging babi
10%	mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang melibatkan unsur “ <i>umum al-balwa</i> ” iaitu perkara terlarang yang melibatkan kebanyakan orang dan sukar untuk dielakkan. Contoh pendapatan faedah daripada simpanan tetap dalam bank konvensional.
20%	mengukur tahap percampuran sumbangan penerimaan sewaan daripada aktiviti tidak patuh Syariah seperti menerima sewaan premis yang menjalankan aktiviti perjudian, jualan arak dan sebagainya
25%	mengukur tahap percampuran sumbangan aktiviti yang secara umumnya selaras dengan Syariah dan mempunyai masalah kepada masyarakat awam, namun terdapat unsur lain yang boleh menjejaskan status Syariah aktiviti berkenaan. Antara aktiviti yang mempunyai tanda aras ini ialah aktiviti pengoperasian hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham, pembrokeran dan sebagainya

Sumber: SSM (2004; 2007)

Tahun 2013 merupakan masa yang mencatatkan perubahan ketara dalam metodologi dan indikator saringan di Malaysia. Ia bagi menyelaraskannya dengan metodologi global (Wan Arliza *et al.* 2016; Engku Ngah 2016). Berdasarkan metodologi global, saringan sekuriti tidak terhad kepada indikator

aktiviti perniagaan sahaja, bahkan turut melibatkan indikator kewangan (SSM 2013). Senarai sekuriti patuh syariah yang menggunakan metodologi ini mula dilaporkan kepada pelabur awam bermula November 2013 sehingga kini. Metodologi semakan ini dapat dibahagikan kepada dua kategori indikator teras iaitu indikator aktiviti perniagaan dan indikator kewangan. Maklumat berkaitan metodologi semakan ini ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

JADUAL 2: METODOLOGI SEMAKAN SARINGAN SEKURITI 2013

Indikator	2007	2013	Penerangan
Aktiviti Perniagaan	5%	5%	Mengukur sumbangan daripada perniagaan-perniagaan aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat. Antaranya ialah perbankan konvensional; insurans konvensional; perjudian; arak dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; babi dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya; makanan dan minuman tidak halal; hiburan tidak patuh Syariah; pendapatan faedah daripada akaun-akaun dan instrument-instrumen konvensional; tembakau dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya dan aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah.
	10%	20%	Mengukur sumbangan daripada perniagaan-perniagaan atau aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah kepada perolehan keseluruhan dan keuntungan sebelum cukai sesebuah syarikat. Antaranya ialah operasi hotel dan rumah perangan; jual-beli saham; pembrokeran saham; sewaan daripada aktiviti-aktiviti tidak patuh Syariah; dan aktiviti-aktiviti lain yang diputuskan sebagai tidak patuh Syariah
	20%		
	25%		
Kewangan	Nil	Tunai <33%	Nisbah Jumlah tunai yang ditempatkan dalam akaun-akaun dan instrumen-instrumen konvensional terhadap jumlah aset
	Nil	Hutang <33%	Nisbah Jumlah hutang yang berteraskan faedah terhadap jumlah aset

Sumber: SSM (2013)

Pengenalan indikator kewangan dalam metodologi semakan ini telah menyebabkan 158 sekuriti dinyah senarai patuh syariah dalam laporan pada November 2013. Statistik sekuriti yang dinyah senarai menggunakan metodologi berkaitan dari tahun 2013 hingga Mei 2022 ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut.

JADUAL 3: KATEGORI SEKURITI DALAM LAPORAN SSM.

Laporan	Bilangan		Jumlah Sekuriti Patuh Syariah	Jumlah Sekuriti Bursa Malaysia
	Sekuriti Baru @ Disenarai Semula	Nyah Senarai		
November 2013	16	158	653	914
Mei 2014	28	9	665	905
November 2014	40	30	673	905
Mei 2015	19	13	674	903
November 2015	35	39	667	901
Mei 2016	20	15	669	905
November 2016	34	30	672	904
Mei 2017	23	13	676	901

November 2017	33	22	686	902
Mei 2018	17	7	693	901
November 2018	33	34	689	902
Mei 2019	14	10	689	897
November 2019	38	29	696	900
Mei 2020	12	9	697	900
November 2020	39	17	715	903
Mei 2021	25	15	746	936
November 2021	33	25	751	948
Mei 2022	24	19	751	953
JUMLAH	483	494		

Sumber: SSM (2013-2022)

Jadual 3 menunjukkan statistik sekuriti yang telah disaring sehingga Mei 2022 dengan jumlah sekuriti baru dan disaring semula sebagai patuh syariah berjumlah 483 sekuriti, manakala bilangan sekuriti yang dinyah senarai pula ialah 494 sekuriti. Susulan pengenalan indikator kewangan dalam metodologi semakan 2013 yang mengakibatkan bilangan sekuriti dinyah senarai pada November 2013 adalah tinggi (158 sekuriti), maka status terkini sekuriti berkenaan menarik untuk diteliti.

Tempoh masa sekuriti disenarai patuh syariah semula menjadi motivasi penting kajian ini disebabkan dua faktor. Pertama, pelaburan dalam sekuriti adalah berkait masa yang mana ia dapat dikategorikan kepada tiga masa piawai iaitu jangka pendek, sederhana dan panjang (Phansatan *et al.* 2012; Shanmugham & Ramya 2012). Oleh demikian, pelabur terdedah kepada pelbagai faktor risiko dalam menentukan tempoh masa pelaburan yang relevan termasuk risiko sekuriti dinyah senarai (Mohd Jaapar *et al.* 2020). Faktor kedua pula berhubung kait dengan tempoh masa yang dicadangkan oleh pihak SSM untuk pelabur melupuskan sekuriti dinyah senarai. Terdapat dua pilihan masa disarankan. Pertama, melupuskan atau menjual segera sekuriti berkaitan pada tarikh kuat kuasa laporan diterbitkan, yang mana ia mampu dilaksana oleh pelabur sekiranya harga pasaran sekuriti melebihi atau sama dengan kos pelaburan. Kedua, pelabur kekal memegang pelaburan sekuriti berkaitan sekiranya harga pasaran sekuriti berada di bawah kos pelaburan, dan menjualnya setelah situasi pertama berlaku. Selain itu, pelabur boleh melupuskan pelaburan berkaitan walaupun harga sekuriti berada di bawah pasaran dengan membandingkan kos pelaburan dengan harga sekuriti semasa beserta jumlah dividen (SSM 2021; 2022). Namun, tiada tempoh masa minimum dan maksimum khusus ditetapkan Memandangkan kedua-dua justifikasi ini berkaitan masa, maka penting mengetahui corak atau tempoh masa yang dilalui oleh sekuriti yang dinyah senarai untuk disenarai semula sebagai patuh syariah sebagai sebahagian informasi dalam pelaburan. Pengetahuan ini membantu pelabur dalam memilih dan membuat keputusan yang relevan terhadap cadangan pelupusan sekuriti oleh pihak SSM.

Selain itu, kajian berkaitan sekuriti patuh Syariah yang dilaksanakan penyelidik sebelum ini didapati berfokus kepada metodologi saringan sekuriti patuh Syariah secara teori dan perbandingan, kesan perbezaan metodologi, dan implikasi pada pulangan saham secara empirikal. Namun, tiada kajian khusus meneliti tempoh masa yang diperlukan oleh sesebuah syarikat atau sekuriti yang telah dinyah senarai patuh Syariah untuk kembali disenarai sebagai patuh Syariah. Elemen ini signifikan diberi perhatian disebabkan ia memerlukan pelabur untuk memilih sama ada melupuskan sekuriti berkaitan sebagaimana cadangan pihak MPS atau kekal memiliki sekuriti berkenaan sehingga disenaraikan semula. Memandangkan pelabur perlu memilih dan berhadapan dengan risiko keuntungan dan kerugian, maka informasi tempoh masa dapat membantu pelabur untuk membuat keputusan yang rasional.

2. KAJIAN LEPAS

Aplikasi pasaran modal secara dwi-sistem di Malaysia telah mendorong beberapa kajian perbandingan dan empirikal dilaksana. Dalam kajian berkaitan sekuriti patuh syariah, dua elemen penting memotivasi kajian berkenaan. Pertama, pengikriferan syariah oleh agensi yang diberi kuasa oleh perundangan di Malaysia iaitu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM), dan kedua ialah proses saringan dilaksana oleh SSM adalah menggunakan metodologi tersendiri.

Rentetan itu, beberapa kajian meneliti perbezaan metodologi saringan di Malaysia dengan pasaran global. Wan Arliza *et al.* (2016) meneliti perbezaan ini berdasarkan empat metodologi global iaitu DJIMI, MSCI, FTSE, dan S&P. Penelitian pengkaji menunjukkan wujud persamaan indikator digunakan, namun sedikit berbeza dalam indikator aktiviti perniagaan. Antaranya, tanda aras tambahan iaitu 20 peratus, berbanding satu tanda aras sahaja iaitu lima peratus pada peringkat global. Di samping itu, saringan sekuriti patuh syariah menggunakan metodologi S&P dan DJIMI lebih ketat berbanding FTSE, MSCI dan Malaysia. Ketiadaan kawal selia patuh syariah oleh badan khusus dalam pasaran global memberikan implikasi status syariah yang berbeza-beza. Hal ini telah dikaji oleh Umayal dan Junaina (2016) yang mengaplikasikan pelbagai metodologi saringan ini di Malaysia, Indonesia, Singapura, Hong Kong dan Amerika. Walaupun senario ini diakui berlaku, ia menimbulkan kesukaran kepada pelabur untuk membuat keputusan melabur atau sebaliknya. Isu ini didapati banyak berlaku dalam sekuriti yang didagangkan di pasaran saham di Amerika Syarikat dan memerlukan pelabur perlu lebih berhati-hati dalam memilih pilihan.

Kajian Abdullah *et al.* (2019) mengkhususkan perbandingan saringan indikator kewangan di Malaysia dengan metodologi global iaitu DJIMI, FTSE, S&P, MSCI, AAOIFI, STOXX, Thomson Reuters dan ISRA Bloomberg. Dua aspek penting perbandingan yang diperoleh pengkaji. Pertama, dua bahagian dalam indikator kewangan di Malaysia iaitu tunai dan hutang, berbanding tiga bahagian pada saringan global iaitu nisbah hutang (*debt ratio*), nisbah aset berasaskan faedah (*Interest-Bearing Assets Ratio*), dan nisbah kecairan (*liquidity ratio*). Kedua, Malaysia menggunakan satu tanda aras bagi kedua-dua indikator, manakala saringan global pula menggunakan dua tanda aras iaitu 30 dan 33 peratus dalam nisbah hutang dan aset. Nisbah kecairan pula tidak diaplikasi di Malaysia, namun tanda aras saringan global adalah berbeza iaitu AAOIFI (49%), DJIMI (50%) dan Thomson Reuters (67%).

Secara empirikal, beberapa pengkaji menguji implikasi saringan global terhadap sekuriti yang telah disenarai patuh syariah di Malaysia. Azhar *et al.* (2010) menyaring semula 565 sekuriti patuh syariah yang diiktiraf di Malaysia pada tahun 2006 menggunakan metodologi DJIM berpandukan indikator kewangan iaitu nisbah hutang dan nisbah kecairan. Hasilnya, hanya 198 sekuriti (35.04%) didapati menepati metodologi DJIM. Pok (2012) turut menyaring semula 477 daripada 846 sekuriti patuh syariah tersenarai pada Mei 2010, menggunakan tiga metodologi global iaitu DJIM, S&P dan FTSE. Indikator kewangan yang diteliti melibatkan tiga nisbah iaitu nisbah kecairan (*liquidity ratio*), nisbah faedah (*interest ratio*) dan nisbah hutang (*debt ratio*). Berdasarkan tiga nisbah berkenaan, sebanyak 301 sekuriti (63.10%) mematuhi metodologi FTSE, manakala bilangan yang kecil dalam metodologi DJIM (58 sekuriti; 12.16%) dan S&P (80 sekuriti -16.77%). Kajian Fidlizan *et al.* (2022) pula menganalisis indikator syariah yang gagal dipatuhi oleh 44 sekuriti dinyah senarai pada tahun 2020 dan 2021 menggunakan aplikasi saringan Islamicly. Hasilnya, punca utama sekuriti dinyah senarai adalah disebabkan kegagalan mematuhi indikator kewangan.

Beberapa pengkaji pula menganalisis kepentingan status patuh syariah ini terhadap pulangan saham. Umar *et al.* (2012) menganalisis data saham Axis-REIT dari Ogos 2005 sehingga September 2010 (1328 data) dengan mengaplikasi pelbagai analisis ekonometrik GARCH. Dapatan analisis menunjukkan terdapat kesan positif terhadap pulangan saham Axis-REIT iaitu risiko spekulasi dapat dihapuskan dan secara tidak langsung mengurangkan risiko premium terhadap aktiviti pelaburan. Walaubagaimanapun, kajian data panel menggunakan 300 sekuriti di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2006 pula oleh Albaity dan Rubi (2011) pula tidak menemui hubungan ini secara signifikan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan urus niaga sekuriti berstatus patuh syariah lebih mudah disebabkan pelabur boleh menjadikan pemboleh ubah nisbah pasaran kepada buku (*market-to-book ratio*) sebagai petunjuk memilih sekuriti yang mempunyai prestasi yang baik. Sebaliknya pula, sekuriti tidak patuh syariah memerlukan pelabur meneliti lebih banyak indikator bersama-sama seperti risiko pasaran dan jumlah hutang. Dapatan ini juga disokong dalam kajian Saba *et al.* (2020) melibatkan 634 sekuriti patuh syariah di Bursa Malaysia dari tahun 2000 hingga 2014. Dalam pasaran global pula, Pepis dan De Jong (2019) meneliti kesan patuh syariah terhadap pulangan saham dan prestasi kewangan syarikat-syarikat global dari tahun 1990 hingga 2018. Pengkaji mendapati bahawa wujud implikasi yang berbeza-beza, namun syarikat yang diklasifikasikan patuh syariah menunjukkan kesan positif terhadap prestasi kewangan dalam jangka panjang. Hal ini didorong oleh kepentingan mengekalkan status syariah yang ditanggapi sebagai petunjuk ketelusan dan kebertanggungjawaban berterusan dalam pengurusan syarikat.

Masa penyahsenaraian sekuriti patuh syariah merupakan faktor informasi signifikan kepada pelabur. Kesan negatif kepada harga dan pulangan saham memerlukan pelabur membuat keputusan sama ada melupuskan atau mengekalkan sekuriti berkaitan (Nor Suhaira *et al.* 2020). Garis masa merupakan maklumat penting untuk individu atau negara dalam melaksanakan pembaharuan yang mampu diukur keberhasilannya pada masa masa tertentu (Suraiya, 2011). Berhadapan situasi ini dalam konteks sekuriti dinyah senarai, tiada kajian lepas yang meneliti dan mencadangkan satu jangkaan tempoh masa sebagai garis panduan atau informasi kepada pelabur membuat keputusan yang sesuai.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk deskriptif bagi mengetahui status patuh syariah sekuriti yang telah dinyah senarai pada November 2013. Ini disebabkan, senarai sekuriti patuh Syariah yang diluluskan oleh MPS pada 29 November 2013 adalah berdasarkan kaedah penyaringan yang telah disemak semula. Kaedah saringan semakan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dua peringkat dengan mengaplikasikan tanda aras aktiviti perniagaan bersama-sama tanda aras nisbah kewangan. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan kemasukan dana-dana Islam asing ke dalam pasaran ekuiti patuh Syariah di Malaysia dan mengembangkan pasaran modal Islam ke peringkat global (SSM, 2013). Berdasarkan laporan, sebanyak 158 sekuriti telah dinyah senarai melibatkan pelbagai sektor. Walau bagaimanapun, analisis deskriptif ini terhad diaplikasi dalam tiga sektor sahaja. Justifikasi sektor berkenaan dipilih berdasarkan empat sebab. Pertama, bilangan sekuriti yang terdapat dalam tiga sektor ini adalah paling banyak berbanding sektor-sektor lain. Pada tahun 2013, sebanyak 600 (66%) sekuriti tersenarai di bawah tiga sektor berkaitan. Kedua, kadar peratus sekuriti patuh syariah dalam tiga sektor ini telah meningkat kepada 81 peratus (2022) berbanding tahun 2013 iaitu 73 peratus. Situasi ini menunjukkan bahawa penyenaian sebagai sekuriti patuh syariah merupakan antara kriteria penting bagi menarik minat transaksi dalam kalangan pelabur. Alasan ketiga ialah bilangan sekuriti yang dinyah senarai dalam tiga sektor ini pada tahun 2013 mewakili 77 peratus (121 sekuriti) daripada jumlah keseluruhan dengan sektor barangan industri melibatkan 62 sekuriti, disusuli

sektor dagangan/perkhidmatan (40 sekuriti) dan barangan pengguna (19 sekuriti). Keempat pula berdasarkan nisbah sekuriti yang dianalisis dalam kajian seperti Azhar *et al.* (2010) dan Pok (2012) yang melibatkan 50 hingga 60 peratus sampel keseluruhan.

Untuk mengenalpasti status patuh syariah terkini dan tempoh masa dilalui oleh setiap sekuriti dikaji, laporan senarai sekuriti patuh syariah yang diterbitkan oleh pihak SSM bermula laporan Mei 2014 sehingga Mei 2022 dilakukan. Analisis deskriptif sekuriti ini dikategorikan kepada empat peringkat sebagaimana dalam Jadual 4.

JADUAL 4: KATEGORI PENYENARAIAAN SEMULA PATUH SYARIAH

	Kategori	Keterangan
I.	Kekal tidak patuh syariah (KTPS)	Tidak disenaraikan semula sebagai patuh syariah bermula Nov. 2013 hingga kini (Mei 2022)
II.	Disenarai dan Kekal Patuh Syariah (KPS)	Disenaraikan semula sebagai sekuriti patuh syariah dalam tempoh kajian dan kekal status berkaitan hingga kini (Mei 2022)
III.	Penyenaraian berulang dan Patuh Syariah (BPS)	Disenarai patuh syariah, kemudian berlaku penyahsenaraian berulang sama ada sekali atau lebih, dan status terkini (Mei 2022) adalah patuh syariah.
IV.	Penyenaraian berulang dan Tidak Patuh Syariah (BTPS)	Disenarai patuh syariah, kemudian berlaku penyahsenaraian berulang sama ada sekali atau lebih, dan status terkini (Mei 2022) adalah tidak patuh syariah.

Analisis masa bagi penyenaraian semula patuh syariah pula dibahagikan kepada tiga tempoh masa seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5: KATEGORI TEMPOH MASA

	Tempoh	Keterangan
I.	Jangka Pendek	1 hingga 2 tahun. Mengikut laporan, sekuriti disenaraikan semula antara Mei 2014 hingga November 2015
II.	Jangka Sederhana	Lebih 2 tahun hingga 5 tahun. Mengikut laporan, sekuriti disenaraikan semula antara Mei 2016 hingga November 2020.
III.	Jangka Panjang	Lebih dari 5 tahun. Mengikut laporan, sekuriti disenaraikan semula antara Mei 2021 hingga terkini (Mei 2022).

Bagi menilai kerelevanan masa yang diperoleh, sekuriti yang dinyah senarai pada Mei 2017 dan Mei 2018 digunakan sebagai sampel data baru atau kajian kes. Ia bertujuan menentu atau membanding setakat mana rumusan dapatan analisis awal adalah wajar dan tepat dengan mengaplikasikannya terhadap sampel baru. Umumnya, dalam analisis ekonomi empirikal menggunakan model ekonometrik dan alat analisis tertentu seperti E-views, Stata dan sebagainya, proses ini dilaksana oleh pengkaji bagi menguji konsistensi atau kestabilan hipotesis dikaji dengan pelbagai kaedah. Antaranya ialah pengkaji menambah sampel atau tempoh masa kajian, pemboleh ubah, teknik analisis dan sebagainya. (Zulkefly *et al.* 2022; Rosmah *et al.* 2020). Memandangkan penyelidikan ini berbentuk analisis dokumen, maka kaedah memilih sampel atau kes baru adalah sesuai. Paolo (1995) mengaplikasikan kaedah ini dalam penyelidikan berkaitan pembangunan dan pelaburan ini bertujuan mendapatkan padanan dari sudut statistik dan situasi sebenar yang berlaku. Bruce *et al.* (2006) turut menggunakan kaedah data lama dan data baru bagi membandingkan kesan pembangunan terhadap ekonomi dan sosial.

4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis 121 sekuriti yang dikaji diterangkan dalam tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan status sekuriti sehingga laporan sekuriti patuh syariah oleh pihak SSM pada Mei 2022. Tempoh masa penyenaraian semula dan ujian keteguhan masa dibincangkan dalam bahagian dua dan tiga.

Status Penyenaraian Semula Sekuriti Patuh Syariah

Status patuh syariah bagi 121 sekuriti yang disenarai pada November 2013 ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

JADUAL 6: STATUS SEKURITI MENGIKUT PENYENARAIAN PATUH SYARIAH

Kategori	Bilangan	Peratus
I (KTPS)	41	33.9
II (KPS)	55	45.5
III (BPS)	15	12.4
IV (BTPS)	10	8.3

Berdasarkan Jadual 6, 80 sekuriti (66%) didapati berjaya disenarai semula sebagai patuh syariah. Walaubagaimanapun, penyenaraian ini dapat dikategorikan kepada tiga iaitu kategori II (KPS) melibatkan 55 sekuriti, kategori III (BPS, 15 sekuriti) dan kategori IV (BTPS, 10 sekuriti). Contoh sekuriti yang berada dalam ketiga-tiga kategori ini dapat diteliti dalam Lampiran A. Misalnya, Dutch Lady Milk Bhd. (3026), PNE PCB Bhd (6637), Press Metal Bhd (8869), Wellcall Holdings Bhd (7231) dan Bumi Armada Bhd (5210) dalam kategori II, Yi-Lai Bhd. (5048), GD Express Carrier Bhd (0078), dan Tan Chong Motor Holdings Bhd (4405) dalam kategori III, dan Malayan Flour Mills Bhd (3662), Focus Lumber Bhd (5197), Sanichi Technology Bhd (0133) pula dalam kategori IV. Sebanyak 41 sekuriti (34%) pula didapati kekal tidak patuh syariah sehingga laporan Mei 2022. Keadaan ini menunjukkan, sekuriti-sekuriti berkenaan masih gagal untuk melepasi indikator kewangan yang diperkenalkan dalam metodologi semakan pada tahun 2013. Dengan lain maksud, kedudukan tunai dan hutang syarikat yang menawarkan sekuriti berkaitan sehingga kini belum bebas daripada isu riba.

Analisis Masa Penyenaraian Semula Patuh Syariah

Analisis masa penyenaraian bagi 80 sekuriti yang diteliti sehingga laporan Mei 2022 ditunjukkan dalam Jadual 7 dan 8 di bawah.

JADUAL 7: PENYENARAIAN SEMULA PATUH SYARIAH MENGIKUT LAPORAN MPS

Laporan	Bilangan	Laporan	Bilangan
Mei 2014	22	Nov 2018	2
Nov 2014	17	Mei 2019	1
Mei 2015	4	Nov 2019	5
Nov 2015	10	Mei 2020	1
Mei 2016	7	Nov 2020	0
Nov 2016	4	Mei 2021	1
Mei 2017	1	Nov 2021	0
Nov 2017	4	Mei 2022	1

Mei 2018	0
----------	---

Sumber: SSM (2014-2022)

JADUAL 8: JANGKA MASA PENYENARAIAAN SEMULA PATUH SYARIAH

	Tempoh	Bilangan (peratus,%)
I.	Jangka Pendek (1-2 Tahun)	53 (66.25%)
II.	Jangka Sederhana (> 2 tahun – 5 Tahun)	18 (22.5%)
III.	Jangka Panjang (> 5 tahun – kini)	9 (11.25%)

Berdasarkan Jadual 7 dan 8, 53 sekuriti berjaya disenarai semula patuh syariah dalam tempoh jangka pendek yang mana 39 sekuriti (74%) disenarai dalam tempoh satu tahun (Mei & November 2014). Sebanyak 18 sekuriti disenarai semula dalam jangka masa sederhana, dan bakinya iaitu 9 sekuriti pula dalam jangka panjang. Kepelbagaian tempoh masa yang ditempuhi untuk memenuhi kriteria patuh syariah menunjukkan wujud usaha dan penambahbaikan yang berterusan dilaksana oleh pihak syarikat bagi memastikan indikator kewangan syarikat adalah bebas daripada elemen riba. Keputusan analisis ini menunjukkan metodologi atau indikator saringan yang diaplikasi di Malaysia ini membantu pelabur mengenal pasti dengan konsisten sekuriti patuh syariah, walaupun perbandingan dengan metodologi global agak longgar (Wan Arliza *et al.* 2016).

Analisis Tempoh Bagi Sampel Baru

Hasil analisis bagi sampel baru menggunakan 20 sekuriti dinyah senarai pada laporan Mei 2017 dan Mei 2018 ditunjukkan dalam Jadual 9, Jadual 10 dan Lampiran B.

JADUAL 9: STATUS PENYENARAIAAN SEMULA PATUH SYARIAH

Laporan Nyah Senarai	Bilangan Nyah Senarai	Senarai Semula (sehingga Mei 2022)
Mei 2017	13	9
Mei 2018	7	5
Jumlah	20	14

Berdasarkan Jadual 9, 70 peratus (14 sekuriti) berjaya disenaraikan semula sebagai sekuriti patuh syariah dalam tempoh analisa. Dapatan ini, didapati berpadanan dan menyokong hasil analisis awal yang ditunjukkan dalam Jadual 6 iaitu 66 peratus.

JADUAL 10: JANGKA MASA PENYENARAIAAN

Laporan Nyah Senarai	Bilangan Disenarai Semula	Jangka Masa Pendek (1-2 Tahun)	Jangka Masa Sederhana (< 2 tahun)
Mei 2017	9	5	4
Mei 2018	5	3	2
JUMLAH	14	8	6

Dapatan bagi analisis jangka masa penyenaiaan bagi sampel baru ditunjukkan dalam Jadual 10, dan didapati menyokong hasil dapatan yang dibincangkan dalam Jadual 8. Sebanyak lapan sekuriti telah berjaya disenarai semula patuh syariah dalam tempoh jangka pendek iaitu sehingga dua tahun, manakala lima sekuriti pula berjaya disenaraikan dalam tempoh lebih dua tahun hingga lima tahun. Hasil keputusan bagi data baru ini membuktikan pengetahuan pelabur mengenai jangka masa

penyenaraian semula patuh syariah adalah penting dan dapat membantu pelabur untuk membuat keputusan yang relevan.

5. KESIMPULAN

Pasaran saham di Malaysia adalah unik dengan pelaksanaan secara dwi-sistem dengan kawal selia oleh badan berautoriti yang sama. Bagi membezakan kedua-dua pasaran ini, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berperanan menyaring sekuriti-sekuriti diurus niaga menggunakan metodologi tersendiri. Beberapa perubahan telah dilaksanakan oleh badan berkaitan bagi menyeragamkan metodologi berkaitan dengan amalan pada peringkat global. Bagi memudahkan pelabur memilih sekuriti patuh syariah, hal ini dipermudahkan melalui ketersediaan laporan sekuriti patuh syariah yang dikeluarkan oleh pihak SSM sebanyak dua kali setahun. Melalui penerbitan berkala ini, pelabur mengetahui status semasa sekuriti dan mengambil tindakan sewajarnya terutamanya sekuriti yang dinyah senarai. Mendepani situasi sekuriti nyah senarai ini, pihak SSM telah mencadangkan beberapa pilihan kepada pelabur. Tiada tempoh masa minimum atau maksimum disyorkan untuk pelabur melupuskan sekuriti berkenaan.

Memandangkan pelaburan adalah berhubung dengan masa, maka informasi tentang kemungkinan untuk sekuriti disenarai semula patuh syariah dilihat signifikan. Informasi masa atau corak penyenaraian ini merupakan informasi berbentuk bukan kewangan yang dapat digunakan oleh pelabur bersama-sama dengan maklumat kewangan sekuriti. Penelitian maklumat tambahan ini dapat membantu pelabur membuat keputusan pelaburan yang sesuai. Berdasarkan hasil analisis, didapati peratus kemungkinan sekuriti untuk disenarai patuh syariah semula adalah tinggi. Hasil kajian menunjukkan lebih 60 peratus sekuriti disenaraikan semula sebagai sekuriti patuh syariah dalam tempoh jangka pendek iaitu enam bulan sehingga dua tahun, dan bakinya pula dalam tempoh jangka sederhana. Sehubungan itu, masa atau corak sesebuah sekuriti merupakan input tambahan yang signifikan kepada pelabur dalam membuat keputusan bagi meminimumkan risiko dan kerugian yang ditanggung.

6. LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN HADAPAN

Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah saringan sekuriti patuh Syariah yang mula dilaksanakan oleh pihak SSM bermula pada November 2013. Dapatan analisis ini kemudiannya diuji terhadap sampel baru pada Mei 2017 dan Mei 2018. Aplikasi kaedah ini menemui bukti yang sepadan, namun ia agak terhad bagi tempoh berkaitan sahaja. Sehubungan itu, bagi memastikan dapatan ini relevan, kajian melibatkan pengujian sampel baru yang lebih pelbagai dapat dilaksanakan. Ini disebabkan, data-data sekuriti patuh syariah dikeluarkan sebanyak dua kali setahun oleh pihak SSM. Kajian lanjut juga boleh dilakukan secara perbandingan dengan mengaplikasi kaedah saringan yang digunakan pada peringkat global. Hal ini bersesuaian dengan objektif untuk menjadikan pasaran Islam sebagai pasaran modal global yang memungkinkan wujud senario kewajaran pelabur untuk melabur dalam sekuriti yang mempunyai status syariah berbeza mengikut kriteria saringan Malaysia dan global.

PENGHARGAAN

Penyelidikan dibiaya oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI, Tanjong Malim, Perak. (Kod Penyelidikan: 2022-0147-107-01)

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad, A.A., Amir, S., & Muhammad Iqmal, H.K. (2019). *Shariah screening methodology: does it 'really' Shariah compliance. Iqtishadia, 12(2), 144-172.*
- Albaity, M., & Rubi, A. (2011). A comparative analysis of the firm specific determinants of *Shariah* compliant versus non-*Shariah* compliant firms in Bursa Malaysia. *Asian Journal of Business and Accounting, 4(1), 59-84.*
- Azhar, A.R., Mohd Azlan, Y., & Mohd Herry, M.N. (2010). Islamic norms for stock screening: a comparison between the Kuala Lumpur Stock Exchange Islamic Index and the Dow Jones Islamic Market Index. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 3(3), 228-240.*
- Bruce W. Finnie, Linda K. Gibson., & David E. McNabb. (2006). Economic development: corruption, complexity, wealth, and a triad of strains. *Humanomics, 22(4), 185-204*
- EngkuNgeh, S. E. (2016). A review of securities commission of Malaysia's revised *Shariah* stock-screening criteria. *Journal of Islamic Banking and Finance, 4(1), 71-80.*
- Fidlizan, M., Azila, A.R., Mohd Yahya, M.H., Ahmad Zakirullah, M.S., & Salwa Amirah, A. (2022). Analisis kriteria penyahsenaraian sekuriti patuh Syariah Bursa Malaysia 2020-2021. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 19(2), 58-71.*
- Md Nurdin, N. (2009). Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhajaya Sekuriti Malaysia dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia. *Jurnal Muamalat, 2,133-152.*
- Mohd Jaapar, A., Ramadili Mohd, S. M., & Mohd Rasid, M. E. S. (2020). Is Shari'ah index membership risky? the case of Malaysia Shari'ah Blue-Chip index. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 17(2), 75-101.*
- Mohd Yahya, M.H., & Joni Tamkin, B. (2009). Analisis perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah, 17(3), 431-456.*
- Mohd Yahya, M.H., Fidlizan, M., Azila, A.R., Nurhanie, M., & Fatimah Salwa, A.H. (2013). Pasaran modal Islam di Malaysia: mengembang atau menguncup? *Jurnal Perspektif, 5(2), 1-14.*
- Nor Suhaira, J., Hamizah, H., & Imbarine, B. (2020). The effect of *Shari'ah* compliance announcements on stock returns in Malaysia. *International Journal of Business and Society, 21(1),217-233.*
- Pepis, S., & De Jong, P. (2019). Effects of *Shariah*-compliant business practices on long-term financial performance. *Pacific-Basin Finance Journal, 53, 254-267.*
- Phansatan, S., Powell, J. G., Tanthanongsakkun, S., & Treepongkaruna, S. (2012). Investor type trading behavior and trade performance: evidence from the Thai stock market. *Pacific-Basin Finance Journal, 20(1), 1-23.*
- Pok, W. C. (2012). Analysis of Syariah quantitative screening norms among Malaysia Syariah-compliant stocks. *Investment Management and Financial Innovations, 9(2), 69-80.*
- Paolo, M. (1995). Corruption and growth. *Quarterly Journal of Economics, 110(3), 681-712.*
- Rosmah, N., Zulkefly, A. K., Aisyah, A.R., & Tamat, S. (2020). Financial inclusiveness and economic growth: new evidence using a threshold regression analysis. *Economic Research-Ekonomska Istraživanja, 33(1), 1465-1484.*
- Saba, I., Ariff, M., & Mohd Rasid, E.S. (2021). Performance of Shari'ah-compliant and non-*Shari'ah*-compliant listed firms: a case study of Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 14(1), 128-150.*
- Shanmugham, R. & Ramya, K. (2012). Impact of social factors on individual investors' trading behaviour. *Procedia Economics and Finance, 2,237-246.*
- Suraiya, I. (2011). Syarikat berkaitan kerajaan negeri – kepentingan lepas dan cabaran masa hadapan. *Akademika, 81(1),51-62*

- SSM. (2004). *Senarai Sekuriti Terkini yang Diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti 30 April 2004*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- SSM. (2007). *Senarai Sekuriti Terkini yang Diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti 25 Mei 2007*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- SSM. (2013). *Senarai Sekuriti Terkini yang Diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti 29 November 2013*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- SSM. (2021). *List of Shariah Compliant Securities by the Shariah Advisory Council Securities Commission Malaysia 28 May 2021*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- SSM. (2022). *List of Shariah Compliant Securities by the Shariah Advisory Council Securities Commission Malaysia 27 May 2022*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Umar, A.B., Sanep, A., & Abu Hassan Shaari, M.N. (2012). Kesan pengklasifikasian patuh Syariah terhadap kemeruapan pulangan saham Axis-REIT. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1),133-145.
- Umayal, K. & Junaina, M. (2016). Strict and uniform *Shariah* screening methodologies in selected Asian Countries in Comparison with the United States. *Asian Journal of Finance & Accounting*, 8(1), 38-76.
- Wan Arliza, W.Z., Nawal, K., Nor Balkish, Z., & Norazida, M. (2016). Disputes and resemblance: comparative analysis of Shariah Advisory Committee Methodology and International Indices. *Malaysian Accounting Review*, 15(2), 1-10.
- Zulkefly, A.K., Fairul Shah Rizat, M. F., Bakri, A.K., & Mohamed Aseel, S. (2022). Market sentiments and firm-level equity returns: panel evidence of Malaysia. *Economic Research-Ekonomska Istraživanja*, 35(1), 5253–5272.

LAMPIRAN A: STATUS PENYENARAIAAN SEMULA SEKURITI PATUH SYARIAH

Bil.	Kod	Nama Sekuriti	Sektor	Mei 14	Nov 14	Mei 15	Nov 15	Mei 16	Nov 16	Mei 17	Nov 17	Mei 18	Nov 18	Mei 19	Nov 19	Mei 20	Nov 20	Mei 21	Nov 21	Mei 22
1	7722	Asia Brands Bhd	BPG				√													
2	7193	Biosis Group Bhd	BPG																	
3	2828	C.I. Holdings Bhd	BPG					√						x		√				
4	7174	CAB Cakaran Corporation Bhd	BPG	√												x		√		
5	5214	China Stationery Ltd	BPG																	
6	3026	Dutch Lady Milk Bhd	BPG	√																
7	5102	Guan Chong Bhd	BPG												√					
8	7141	Huat Lai Resources Bhd	BPG																	
9	5024	Hup Seng Bhd	BPG		√				x											
10	5058	Hytex Integrated Bhd	BPG																	
11	3662	Malayan Flour Mills Bhd	BPG	√			x										√			
12	5189	Maxwell International Holdings Bhd	BPG																	
13	5150	Multi Sports Holdings Ltd	BPG				√		x											
14	4006	Oriental Holdings Bhd	BPG																	
15	3719	Panasonic Manufacturing Malaysia Bhd	BPG																	
16	7136	Silver Bird Group Bhd	BPG																	
17	4405	Tan Chong Motor Holdings Bhd	BPG	√			x				√				x				√	
18	7252	Teo Seng Capital Bhd	BPG		√								x		√				x	
19	7176	TPC Plus Bhd	BPG								√									
20	7086	Ablegroup Bhd	BIND					√												
21	9148	Advanced Packaging Technology (M) Bhd	BIND	√																
22	7146	Ae Multi Holdings Bhd	BIND				√				x				√					
23	6556	Ann Joo Resources Bhd	BIND							√										
24	9954	Asia Knight Bhd	BIND											√						
25	7044	Autoair Holdings Bhd	BIND	√																
26	7005	B.I.G. Bhd	BIND		√															

FIDLIZAN MUHAMMAD, MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, AZILA ABDUL RAZAK, AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI, SALWA AMIRAH
AWANG

27	7187	Boon Koon Group Bhd	BIND		√														
28	7171	Century Bond Bhd	BIND																
29	5229	China Automobile Parts Holdings Ltd	BIND																
30	5835	Dolomite Corporation Bhd	BIND																
31	7233	Dufu Technology Corp. Bhd	BIND				√												
32	0149	Fibon Bhd	BIND																
33	5197	Focus Lumber Bhd	BIND		√		x						√			x			
34	7192	Goodway Integrated BINDes Bhd	BIND						√										
35	7077	GSB Group Bhd	BIND							√		x		√					
36	5072	Hiap Teck Venture Bhd	BIND				√												
37	7112	Ingress Corporation Bhd	BIND																
38	2127	Integrated Rubber Corporation Bhd	BIND		√														
39	7220	IRM Group Bhd	BIND																
40	5192	K. Seng Seng Corporation Bhd	BIND	√															
41	3476	Keck Seng (M) Bhd	BIND																
42	7064	Latexx Partners Bhd	BIND																
43	9881	Leader Steel Holdings Bhd	BIND						√					x		√			
44	3581	Lion Corporation Bhd	BIND																
45	5916	Malaysia Smelting Corporation Bhd	BIND											√		x			
46	7075	Malaysian Ae Models Holdings Bhd	BIND																
47	9202	Maxtral Industry Bhd	BIND																
48	3778	Melewar Industrial Group Bhd	BIND					√											
49	7059	Metal Reclamation Bhd	BIND																
50	6149	Metrod Holdings Bhd	BIND																
51	5152	Muar Ban Lee Group Bhd	BIND				√												

FIDLIZAN MUHAMMAD, MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, AZILA ABDUL RAZAK, AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI, SALWA AMIRAH
AWANG

52	3883	Muda Holdings Bhd	BIND		√														
53	5087	Mycron Steel Bhd	BIND	√															
54	7109	Octagon Consolidated Bhd	BIND																
55	9997	Pensonic Holdings Bhd	BIND					√				x							√
56	5146	Perwaja Holdings Bhd	BIND																
57	6637	PNE PCB Bhd	BIND			√													
58	9458	Premier Nalfin Bhd	BIND																
59	8869	Press Metal Bhd	BIND			√													
60	9873	Prestar Resources Bhd	BIND				√												
61	5170	Sarawak Cable Bhd	BIND	√															
62	7366	Scomi Engineering Bhd	BIND																
63	7155	SKP Resources Bhd	BIND		√														
64	5665	Southern Steel Bhd	BIND																
65	7358	Sunchirin Industries (M) Bhd	BIND																
66	7097	Ta Win Holdings Bhd	BIND																√
67	4448	Tasek Corporation Bhd	BIND	√															
68	5178	Tatt Giap Group Bhd	BIND							√		x				√			
69	7079	Tiger Synergy Bhd	BIND	√															
70	7100	Uchi Technologies Bhd	BIND	√															
71	7595	VTI Vintage Bhd	BIND					√											
72	7226	Watta Holding Bhd	BIND	√															
73	8818	Wawasan TKH Holdings Bhd	BIND																
74	7231	Wellcall Holdings Bhd	BIND			√													
75	7245	WZ Steel Bhd	BIND	√															
76	7196	Ya Horng Electronic (M) Bhd	BIND																
77	5048	Yi-Lai Bhd	BIND	√								x		√		x			√
78	5099	AirAsia Bhd	DKN											√					
79	6351	Amway (Malaysia) Holdings Bhd	DKN		√														
80	5196	Berjaya Food Bhd	DKN												√				

FIDLIZAN MUHAMMAD, MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, AZILA ABDUL RAZAK, AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI, SALWA AMIRAH
AWANG

81	5210	Bumi Armada Bhd	DKN			√													
82	7016	Chuan Huat Resources Bhd	DKN				√												
83	7189	Emas Kiara Industries Bhd	DKN		√														
84	5056	Engtex Group Bhd	DKN									√							
85	5081	Esthetics International Group Bhd	DKN		√														
86	3204	George Kent (Malaysia) Bhd	DKN				√	x		√									
87	7242	Global Carriers Bhd	DKN																
88	7110	Haisan Resources Bhd	DKN																
89	7455	Hexagon Holdings Bhd	DKN																
90	7185	Kejuruteraan Samudra Timur Bhd	DKN																
91	6157	Konsortium Logistik Bhd	DKN																
92	5143	Luxchem Corporation Bhd	DKN				√	x		√									
93	5090	Media Chinese International Ltd	DKN		√														
94	5128	Ogawa World Bhd	DKN																
95	5125	Pantech Group Holdings Bhd	DKN		√														
96	5657	Parkson Holdings Bhd	DKN	√															
97	7122	PJI Holdings Bhd	DKN	√					x										
98	9652	SAAG Consolidated (M) Bhd	DKN																
99	5147	Samchem Holdings Bhd	DKN																
100	9431	Seni Jaya Corporation Bhd	DKN									√							
101	8702	Texchem Resources Bhd	DKN																√
102	8397	Tiong Nam Logistics Holdings Bhd	DKN		√					x			√			x		√	
103	7218	Transocean Holdings Bhd	DKN		√														
104	5167	Turbo-Mech Bhd	DKN																
105	7251	Vastalux Energy Bhd	DKN	√															
106	7293	Yinson Holdings Bhd	DKN				√	x		√									x

FIDLIZAN MUHAMMAD, MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, AZILA ABDUL RAZAK, AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI, SALWA AMIRAH
AWANG

107	0072	AT Systematization Bhd	BIND		√														
108	0100	ES Ceramics Technology Bhd	BIND	√															
109	0133	Sanichi Technology Bhd	BIND	√								x				√		x	
110	0084	Techfast Holdings Bhd	BIND				√			x		√							
111	0122	Advance Information Marketing Bhd	BIND											√		x		√	
112	0173	Catcha Media Bhd	DKN																
113	0080	Envair Holding Bhd	DKN				√												
114	0078	GD Express Carrier Bhd	DKN	√					x		√								
115	0147	Innity Corporation Bhd	DKN		√														
116	0095	Key West Global Telecommunications Bhd	DKN							√		x				√			x
117	0059	M-Mode Bhd	DKN											√					
118	0177	Pasukhas Group Bhd	DKN				√												
119	0006	Pineapple Resources Bhd	DKN	√						√									x
120	0158	SCC Holdings Bhd	DKN																
121	0137	StemLife Bhd	DKN																

Nota:(√) disenarai patuh syariah; (x) nyah senarai
Sekuriti 1 hingga 106 (Pasaran Utama), 107 hingga 121 (Pasaran ACE).

LAMPIRAN B: STATUS PENYENARAIAAN SEMULA SEKURITI PATUH SYARIAH

Bil.	Kod	Nama Sekuriti	Mei 17	Nov 17	Mei 18	Nov 18	Mei 19	Nov 19	Mei 20	Nov 20	Mei 21	Nov 21	Mei 22
1	5568	APB Resources Bhd	X		/								
2	0078	GD Express Carrier Bhd	X		/								
3	7382	Golden Land Bhd	X								/		
4	8931	Jerasia Capital Bhd	X										
5	0180	Kim Teck Cheong Consolidated Bhd	X										
6	2887	Lion Diversified Holdings Bhd	X										
7	0020	NETX Holdings Bhd	X		/								
8	7225	P.A. Resources Bhd	X		/								
9	7055	PLB Engineering Bhd	X								/		
10	5075	Plenitude Bhd	X						/				
11	8966	Prolexus Bhd	X	/									
12	0106	Rexit Bhd	X								/		X
13	7122	YFG Bhg	X										
14	7031	Amtel Holdings Bhd			X						/		
15	2925	Cycle & Carriage Bintang Bhd			X					/			X
16	0045	G Neptune Bhd			X		/						X
17	7126	London Biscuits Bhd			X								
18	0112	Mikro MSC Bhd			X		/						
19	0047	Perisai Petroleum Teknologi Bhd			X								
20	5213	Sentoria Group Bhd			X		/						

Nota: Bilangan 1 hingga 13, diambil dari Laporan Senarai Sekuriti Patuh Syariah Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 26 May 2017, dan Bilangan 14 hingga 20 diambil dari Laporan Senarai Sekuriti Patuh Syariah Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 25 May 2018. (X) dinyah senarai.